

Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1972

- 1.4 (1) Jika Pesuruhjaya mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa sebarang gadis di bawah umur 21 tahun sedang dilatih atau digunakan untuk maksud-maksud lacur atau diam di dalam atau selalu berulang alik ke sebarang rumah pelacuran atau biasa berada dalam kumpulan pelacuran-pelacuran atau orang-orang yang berkepentingan secara langsung dalam perniagaan yang dijalankan dalam rumah pelacuran atau oleh pelacur-pelacur, maka ia boleh, dengan waran yang ditandatangani, memerintah supaya gadis itu dipindahkan ke tempat keselamatan dan ditahan buat sementara di situ sehingga penyelidikan telah diadakan olehnya.
- (2) Jika selepas diadakan penyelidikan Persuruhjaya berpuas hati bahawa gadis itu termasuk dalam golongan Ceraian (1), maka ia boleh, dengan waran yang ditandatangani, memerintahkan supaya gadis itu ditahan di tempat keselamatan sehingga ada perintah yang selanjutnya atau hingga ia mencapai umur 21 tahun berkahwin, yang mana laku dahulu. Dengan syarat bahawa sebagai ganti perintah tahunan yang tersebut di atas, Persuruhjaya boleh melepaskan gadis itu setelah di buat persediaan- Persediaan yang Persuruhjaya fikir perlu untuk kebajikannya dalam masa yang ia sepatutnya boleh ditahan.
- 1.5 Pesuruhjaya boleh dengan waran yang ditandatanganinya memerintahkan penahanan dalam tempat keselamatan akan sebarang perempuan atau gadis
- (a) Yang penahannya dalam sebuah tempat keselamatan adalah diminta dengan bertulis oleh penjaganya yang sah;
- (b) Yang Persuruhjaya fikir perlukan perlindungan dan penjaganya yang sah tidak boleh dijumpai;
- (c) Yang Persuruhjaya percaya telah dianiayai dan memerlukan perlindungan;
- (d) Yang Persuruhjaya fikir merbahaya akhlaknya